



27 Disember 2024  
27 December 2024  
P.U. (A) 456

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA ANGKASA  
MALAYSIA 2024

*MALYSIAN SPACE BOARD REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA 2022

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA 2024

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERMOHONAN BAGI LESEN

3. Permohonan bagi lesen pengilang objek angkasa
4. Permohonan bagi lesen pengendali kemudahan penyepaduan atau pengujian objek angkasa
5. Permohonan bagi lesen pengendali kemudahan pelancar
6. Permohonan bagi pembaharuan lesen
7. Fi

BAHAGIAN III

PERMOHONAN BAGI PERMIT PELANCARAN

8. Permohonan bagi permit pelancaran
9. Kehendak insurans
10. Tempoh perlindungan insurans bagi aktiviti yang dibenarkan
11. Penentuan jumlah insurans
12. Fi

BAHAGIAN IV

PERMOHONAN BAGI PERAKUAN PELANCARAN

Peraturan

13. Permohonan bagi perakuan pelancaran
14. Fi

BAHAGIAN V

PELBAGAI

15. Maklumat dan dokumen sulit dan dilindungi
16. Ketepatan maklumat
17. Pemberian lesen, dsb.

BAHAGIAN VI

PENDAFTARAN OBJEK ANGKASA

18. Pendaftaran objek angkasa
19. Penguntukan nombor pendaftaran

BAHAGIAN VII

PENYIASATAN INSIDEN ATAU KEMALANGAN

20. Insiden atau kemalangan objek angkasa atau kemudahan pelancar
21. Maklumat personel atau penumpang dan barangan berbahaya
22. Pelantikan penyiasat
23. Penyelarasan penyiasatan
24. Akses kepada maklumat dan rekod
25. Laporan penyiasatan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA – BORANG I

BORANG II

BORANG III

BORANG IV

BORANG V

BORANG VI

AKTA LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA 2022

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [*Akta 834*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Angkasa Malaysia 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain—

“aktiviti yang dibenarkan” ertinya pelancaran suatu objek angkasa ke angkasa di bawah permit yang dikeluarkan oleh Lembaga;

“jendela pelancaran” ertinya tempoh masa bagi suatu aktiviti yang dibenarkan;

“kemasukan semula” ertinya mengembalikan atau cubaan mengembalikan, dengan niat, objek angkasa dari angkasa ke Bumi;

“kenderaan kemasukan semula” ertinya kenderaan yang direka untuk kembali daripada orbit bumi ke Bumi atau daripada angkasa ke Bumi;

“kenderaan pelancar” ertinya kenderaan yang digunakan bagi tujuan mengangkut muatan ke angkasa lepas atau kembali dari angkasa, sama ada penerbangan orbit atau penerbangan suborbit termasuk kenderaan pelancar guna semula atau kenderaan pelancar sekali guna;

“kenderaan percubaan” ertinya penyelidikan dan pembangunan prototaip komponen yang direka untuk menguji konsep reka bentuk kenderaan pelancar baharu, peralatan baharu atau teknik pengoperasian baharu;

“mengilang” termasuklah untuk membina satu atau lebih objek angkasa;

“muatan” ertinya suatu objek yang dibawa atau ditempatkan di angkasa menggunakan kenderaan pelancar atau kenderaan kemasukan semula termasuk komponen kenderaan yang direka atau disesuaikan khusus untuk objek tersebut;

“penerbangan angkasa” ertinya suatu aktiviti angkasa yang menggunakan kenderaan pelancar untuk mengangkut personel, penumpang atau muatan dari Bumi ke angkasa atau kemasukan semula dari angkasa ke Bumi, sama ada penerbangan tersebut ialah penerbangan orbit, penerbangan suborbit atau penerbangan melangkaui orbit bumi;

“penerbangan orbit” ertinya suatu penerbangan angkasa dengan niat untuk melengkapkan satu orbit mengelilingi Bumi;

“penerbangan suborbit” ertinya suatu penerbangan angkasa dengan tujuan untuk memasuki angkasa tanpa niat untuk melengkapkan satu orbit mengelilingi Bumi.

## BAHAGIAN II

### PERMOHONAN BAGI LESEN

#### **Permohonan bagi lesen pengilang objek angkasa**

3. Permohonan bagi suatu lesen mengilang objek angkasa hendaklah dibuat dalam Borang I Jadual Ketiga.

**Permohonan bagi lesen pengendali kemudahan penyepaduan atau pengujian objek angkasa**

4. Permohonan bagi suatu lesen untuk mengendalikan kemudahan penyepaduan atau pengujian objek angkasa hendaklah dibuat dalam Borang II Jadual Ketiga.

**Permohonan bagi lesen pengendali kemudahan pelancar**

5. Permohonan bagi suatu lesen untuk mengendalikan kemudahan pelancar hendaklah dibuat dalam Borang III Jadual Ketiga.

**Permohonan bagi pembaharuan lesen**

6. Jika pemegang lesen itu berhasrat untuk memperbaharui lesennya, pemegang lesen itu hendaklah, tidak lebih daripada enam bulan sebelum tarikh habis tempoh, membuat permohonan bagi pembaharuan lesen kepada Lembaga dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

**Fi**

7. Permohonan bagi suatu lesen di bawah Bahagian ini hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

**BAHAGIAN III**

**PERMOHONAN BAGI PERMIT PELANCARAN**

**Permohonan bagi permit pelancaran**

8. (1) Permohonan bagi suatu permit pelancaran hendaklah dibuat dalam Borang IV Jadual Ketiga.

(2) Permohonan permit pelancaran yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah terpakai bagi suatu penerbangan orbit dan suborbit, dan termasuklah pengujian penerbangan kenderaan percubaan bagi—

(a) suatu kenderaan pelancar dari suatu kemudahan pelancar di Malaysia ke angkasa; dan

- (b) kemasukan semula suatu kenderaan kemasukan semula dari angkasa ke tapak pendaratan di Malaysia.

**Kehendak insurans**

9. (1) Pemohon hendaklah mendapatkan insurans liabiliti pihak ketiga yang menyediakan perlindungan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dalam aktiviti pelancaran sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (4).

(2) Pemohon hendaklah mengemukakan kepada Lembaga—

(a) salinan sijil insurans dalam masa tiga puluh hari sebelum pelancaran itu bermula; atau

(b) sijil pembaharuan insurans sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum tarikh habis tempohnya melainkan jika Lembaga bersetuju dengan tempoh masa yang berbeza.

(3) Pemohon hendaklah memastikan semua polisi insurans dan dokumen lain yang perlu tersedia untuk pemeriksaan oleh Lembaga.

(4) Amaun bagi liabiliti insurans pihak ketiga hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

(5) Dalam Bahagian ini, pihak ketiga ertinya mana-mana orang selain—

(a) pemegang permit, kontraktor atau subkontraktor pemegang permit yang terlibat dalam aktiviti yang dibenarkan;

(b) pelanggan, kontraktor atau subkontraktor pelanggan yang terlibat dalam aktiviti yang dibenarkan;

(c) personel atau penumpang bagi muatan yang akan dilancarkan oleh pemegang permit;

- (d) pemegang lesen kemudahan pelancar, kontraktor atau subkontraktor pemegang lesen kemudahan pelancar yang terlibat dalam aktiviti yang dibenarkan;
- (e) Kerajaan, kakitangannya atau mana-mana agensi Kerajaan yang terlibat dalam aktiviti yang dibenarkan; dan
- (f) kontraktor atau subkontraktor Kerajaan yang terlibat dalam aktiviti yang dibenarkan.

### **Tempoh perlindungan insurans bagi aktiviti yang dibenarkan**

10. Perlindungan insurans yang dikehendaki di bawah Bahagian ini hendaklah berkuat kuasa—

- (a) sehingga penyempurnaan aktiviti yang dibenarkan di suatu kemudahan pelancar; dan
- (b) bagi pelancaran tanpa niat untuk kemasukan semula, dalam tempoh tiga puluh hari selepas pemisahan muatan atau cubaan pemisahan muatan dalam hal keadaan berlaku suatu anomali pemisahan muatan; atau
- (c) bagi pelancaran dengan niat untuk kemasukan semula, tiga puluh hari mulai penerbangan kemasukan semula itu.

### **Penentuan jumlah insurans**

11. Lembaga hendaklah menentukan jumlah insurans yang dikehendaki bagi setiap pemegang permit bagi mengganti rugi jumlah tuntutan pihak ketiga yang dilindungi bagi mana-mana kerosakan akibat daripada suatu aktiviti yang dibenarkan.

### **Fi**

12. Permohonan bagi suatu permit pelancaran di bawah Bahagian ini hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

#### BAHAGIAN IV

##### PERMOHONAN BAGI PERAKUAN PELANCARAN

###### **Permohonan bagi perakuan pelancaran**

13. Permohonan bagi suatu perakuan pelancaran hendaklah dibuat dalam Borang V Jadual Ketiga.

###### **Fi**

14. Permohonan bagi suatu perakuan pelancaran di bawah Bahagian ini hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

#### BAHAGIAN V

##### PELBAGAI

###### **Maklumat dan dokumen sulit dan dilindungi**

15. (1) Mana-mana maklumat atau dokumen yang diperolehi menurut Peraturan-Peraturan ini adalah sulit dan dilindungi.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), maklumat dan dokumen itu menjadi tidak sulit dan tidak dilindungi jika maklumat dan dokumen itu perlu didedahkan—

(a) bagi maksud kepentingan atau keselamatan negara; atau

(b) kepada mana-mana pihak lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(3) Kecuali bagi maksud penguatkuasaan Peraturan-Peraturan ini, tiada seorang pun boleh menzahirkan apa-apa maklumat atau dokumen yang diperolehnyanya semasa menjalankan kewajipan atau kuasanya di bawah Peraturan-Peraturan ini tanpa kebenaran bertulis daripada orang yang memberikan maklumat atau dokumen itu.

**Ketepatan maklumat**

16. (1) Pemohon lesen, permit pelancaran atau sijil pelancaran hendaklah, pada setiap masa yang munasabah, bertanggungjawab untuk memastikan ketepatan maklumat yang berterusan diberikan kepada Lembaga.

(2) Pemohon hendaklah memaklumkan kepada Lembaga dengan kadar segera berkenaan dengan apa-apa pertukaran atau perubahan kepada maklumat yang telah dikemukakan.

**Pemberian lesen, dsb.**

17. (1) Jika Lembaga berpuas hati bahawa segala kehendak bagi suatu permohonan lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran telah dipenuhi, Lembaga boleh memberikan suatu lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran kepada pemohon, tertakluk kepada—

(a) pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

(b) tempoh kesahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; dan

(c) apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Lembaga boleh menolak pemberian lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran dengan menyatakan alasan penolakan secara bertulis.

(3) Peraturan ini juga terpakai bagi permohonan pembaharuan lesen di bawah peraturan 6.

## BAHAGIAN VI

### PENDAFTARAN OBJEK ANGKASA

#### **Pendaftaran objek angkasa**

18. (1) Pendaftaran objek angkasa hendaklah dibuat dalam Borang VI Jadual Ketiga.

(2) Mana-mana objek angkasa yang telah dilancarkan ke orbit bumi atau melepaskannya dari suatu kemudahan pelancar di Malaysia atau di luar Malaysia yang dimiliki oleh warganegara Malaysia, pemastautin tetap atau suatu pertubuhan perbadanan yang diperbadankan, ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia, hendaklah didaftarkan dengan Penguasa Angkasa dalam tempoh tiga puluh hari selepas pelancaran.

(3) Apa-apa perubahan yang berhubungan dengan objek angkasa yang telah didaftarkan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Penguasa Angkasa dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Penguasa Angkasa.

#### **Penguntungan nombor pendaftaran**

19. Apabila menerima borang pendaftaran yang lengkap, Penguasa Angkasa hendaklah menguntungan suatu nombor pendaftaran kepada objek angkasa itu dan merekodkan nombor pendaftaran itu dalam daftar objek angkasa mengikut seksyen 38 Akta.

## BAHAGIAN IX

### PENYIASATAN INSIDEN ATAU KEMALANGAN

#### **Insiden atau kemalangan objek angkasa atau kemudahan pelancar**

20. Bahagian ini hendaklah terpakai bagi suatu insiden atau kemalangan—

(a) yang berlaku kepada mana-mana objek angkasa atau kemudahan pelancar dalam Malaysia yang dengannya lesen, permit pelancaran atau perakuan pelancaran itu berkaitan;

- (b) yang melibatkan mana-mana objek angkasa Malaysia di tempat lain; atau
- (c) yang melibatkan mana-mana objek angkasa semasa objek angkasa itu berada dalam fasa pelancaran atau kemasukan semula, ke dalam Malaysia.

**Maklumat personel atau penumpang dan barangan berbahaya**

21. (1) Pemegang permit pelancaran, pemegang lesen kemudahan pelancar atau pemegang perakuan pelancaran, apabila mengetahui berlakunya sebarang insiden atau kemalangan, hendaklah dengan segera memaklumkan perkara yang berikut kepada Penguasa Angkasa:

- (a) dalam hal seorang pemegang permit pelancaran, dengan menyediakan—
  - (i) suatu senarai semua personel atau penumpang di dalam kenderaan pelancar itu; dan
  - (ii) suatu senarai semua barangan berbahaya di dalam kenderaan pelancar itu;
- (b) dalam hal seorang pemegang lesen kemudahan pelancar, dengan menyediakan—
  - (i) suatu senarai semua personel di dalam kemudahan pelancar itu; dan
  - (ii) suatu senarai semua barangan berbahaya di dalam kemudahan pelancar itu; dan
- (c) dalam hal seorang pemegang perakuan pelancaran, dengan menyediakan—

- (i) suatu senarai semua personel atau penumpang di dalam kapal angkasa itu; dan
- (ii) suatu senarai semua barangan berbahaya di dalam kapal angkasa itu.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “barangan berbahaya” ertinya mana-mana benda atau bahan yang disebut dalam Arahan Teknikal bagi Keselamatan Pengangkutan Barangan Berbahaya melalui Udara yang dikeluarkan oleh *Council of the International Civil Aviation Organisation*.

### **Pelantikan penyiasat**

22. Pelantikan penyiasat hendaklah dibuat mengikut seksyen 44 Akta.

### **Penyelarasan penyiasatan**

23. Penyiasat hendaklah membuat aturan lebih awal dengan pegawai yang diberi kuasa dan pihak berkuasa yang berkaitan mengenai perkara yang berikut:

- (a) akses ke tapak insiden atau kemalangan;
- (b) pemeliharaan, dan akses pantas kepada, keterangan;
- (c) bentuk dan cara status perkembangan siasatan dikemukakan;
- (d) pertukaran maklumat yang berkaitan bagi maksud penyiasatan; dan
- (e) penggunaan maklumat keselamatan yang sensitif.

### **Akses kepada maklumat dan rekod**

24. Mana-mana penyiasat yang dilantik di bawah Akta hendaklah mempunyai—

- (a) akses segera dan tanpa sekatan—

- (i) ke tapak insiden atau kemalangan itu;
  - (ii) kepada objek angkasa itu; atau
  - (iii) kepada mana-mana serpihan yang berhubungan dengan insiden atau kemalangan itu;
- (b) hak untuk menyediakan senarai keterangan dengan segera dan kawalan ke atas pengalihan reja atau komponen bagi maksud pemeriksaan atau analisis;
- (c) akses segera kepada dan kawalan ke atas—
- (i) mana-mana dokumen atau peralatan yang mengandungi data yang direkodkan yang berhubungan dengan objek angkasa; dan
  - (ii) mana-mana data yang direkodkan semasa aktiviti pelancaran;
- (d) kuasa untuk menyoal secara lisan mana-mana orang yang sepatutnya mengetahui berkenaan fakta dan keadaan insiden atau kemalangan itu; dan
- (e) akses kepada keputusan—
- (i) mana-mana pemeriksaan autopsi ke atas tubuh mana-mana individu yang mengalami kecederaan yang boleh membawa maut dan ujian yang dibuat ke atas sampel yang diambil daripada tubuh itu; dan
  - (ii) apa-apa pemeriksaan perubatan ke atas individu yang terlibat dalam pengendalian objek angkasa atau kemudahan pelancar, atau apa-apa ujian yang dijalankan ke atas sampel yang diambil daripada individu itu.

**Laporan penyiasatan**

25. (1) Apabila penyiasatan selesai, penyiasat hendaklah menyediakan suatu laporan bertulis berkenaan dengan siasatan tersebut untuk dikemukakan kepada Lembaga secepat yang mungkin.

(2) Laporan bertulis itu hendaklah mengandungi syor keselamatan bagi mencegah suatu insiden atau kemalangan pada masa hadapan.

(3) Apabila menerima laporan bertulis di bawah subperaturan (1), Lembaga hendaklah mengarahkan Penguasa Angkasa untuk mengemukakan syor keselamatan dalam laporan bertulis itu kepada orang yang kepadanya syor keselamatan itu ditujukan.

(4) Orang yang kepadanya syor keselamatan itu ditujukan hendaklah—

(a) dengan segera, mengakui penerimaan syor keselamatan itu kepada Penguasa Angkasa; dan

(b) dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh penerimaan syor keselamatan itu—

(i) memaklumkan kepada Penguasa Angkasa tindakan yang telah diambil untuk melaksanakan syor keselamatan itu;

(ii) memaklumkan kepada Penguasa Angkasa tindakan yang sedang dipertimbangkan bagi pelaksanaan syor keselamatan itu dan masa yang diambil bagi melaksanakannya; atau

(iii) memberikan sebab untuk tidak melaksanakan syor keselamatan itu kepada Penguasa Angkasa.

(5) Penguasa Angkasa hendaklah, dalam tempoh yang munasabah setelah menerima akuan terima dan apa-apa maklumat lain yang disebut dalam subperaturan (4), memaklumkan kepada orang yang kepadanya syor keselamatan itu ditujukan—

- (a) bahawa tindakan yang diambil atau yang sedang dipertimbangkan bagi pelaksanaan syor keselamatan itu adalah mencukupi atau tidak; atau
- (b) berkenaan dengan apa-apa alasan untuk tidak bersetuju dengan keputusan orang yang kepadanya syor keselamatan itu ditujukan untuk tidak mengambil tindakan bagi melaksanakan syor keselamatan.

(6) Orang yang kepadanya syor keselamatan itu ditujukan hendaklah—

- (a) menyimpan rekod semua tindakan yang diambil untuk melaksanakan syor keselamatan itu; dan
- (b) memaklumkan kepada Penguasa Angkasa—
  - (i) bahawa tindakan yang diambil di bawah subperenggan (4)(b)(i) atau (ii) telah berubah; atau
  - (ii) bahawa semua tindakan yang dicadangkan untuk melaksanakan syor keselamatan itu telah lengkap.

(7) Penguasa Angkasa hendaklah menyimpan semua rekod maklum balas kepada syor keselamatan itu yang dikemukakan oleh orang yang kepadanya syor keselamatan itu ditujukan.

## JADUAL PERTAMA

[Peraturan 7, 12 dan 14 ]

## FI LESEN, PERMIT PELANCARAN DAN PERAKUAN PELANCARAN

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Fi (RM)</b>
1.	Fi pengurusan	Fi yang tidak boleh dikembalikan merangkumi kos pentadbiran	150.00
2.	Permohonan bagi lesen	(a) Mengilang apa-apa objek angkasa	5000.00
		(b) Mengendalikan apa-apa kemudahan untuk penyepaduan atau pengujian mana-mana objek angkasa	5000.00
		(c) Mengendalikan apa-apa kemudahan pelancar	20000.00
3.	Permohonan bagi pembaharuan lesen	(a) Mengilang apa-apa objek angkasa	5000.00
		(b) Mengendalikan apa-apa kemudahan bagi penyepaduan atau pengujian mana-mana objek angkasa	5000.00
		(c) Mengendalikan apa-apa kemudahan pelancar	20000.00
4.	Permohonan permit pelancaran bagi melancarkan suatu kenderaan eksperimental	Bagi apa-apa kenderaan pelancar	4000.00
5.	Permohonan permit pelancaran bagi melancarkan suatu kenderaan komersial	(a) Penerbangan orbit bagi—	
		(i) kenderaan pelancar muatan ringan (<2000 kg)	10000.00
		(ii) kenderaan pelancar muatan medium (2000 kg hingga 20000 kg)	15000.00
		(iii) kenderaan pelancar muatan berat (20000 kg hingga 50000 kg)	20000.00
		(iv) kenderaan pelancar muatan sangat berat (>50000 kg)	30000.00

Bil.	Perkara	Keterangan	Fi (RM)
		<p><i>(b)</i> Penerbangan suborbit bagi—</p> <p>(i) kenderaan dengan manusia</p> <p>(ii) kenderaan tanpa manusia</p>	<p>20000.00</p> <p>5000.00</p>
		<p><i>(c)</i> Kemasukan semula kenderaan dengan manusia</p>	<p>10000.00</p>
6.	Permohonan bagi perakuan pelancaran (pelancaran tunggal)	<p><i>(a)</i> Muatan bukan komersial</p> <p>(i) Jisim: 0 sehingga 20kg</p> <p>(ii) Jisim: 21kg atau lebih</p>	<p>500.00</p> <p>1000.00</p>
		<p><i>(b)</i> Muatan komersial</p> <p>(i) Jisim: 0 sehingga 20 kg</p> <p>(ii) Jisim: 21 kg sehingga 100 kg</p> <p>(iii) Jisim: 101 kg sehingga 500 kg</p> <p>(iv) Jisim: 501 kg atau lebih</p>	<p>2000.00</p> <p>3000.00</p> <p>5000.00</p> <p>10000.00</p>
		<p><i>(c)</i> Suatu fi tambahan, jika pelancaran di bawah perkara <i>(b)</i> termasuk aktiviti kemasukan semula. Terpakai bagi penerbangan dengan manusia.</p>	<p>5,000.00</p>
7.	Permohonan bagi perakuan pelancaran (pelancaran konstelasi)	<p><i>(a)</i> Muatan bukan komersial</p> <p>(i) Jisim: 0 to 20 kg</p> <p>(ii) Jisim: 21 kg atau lebih</p>	<p>500.00</p> <p>1000.00</p>
		<p><i>(b)</i> Muatan komersial</p> <p>(i) Jisim: 0 sehingga 20 kg</p> <p>(ii) Jisim: 21 kg sehingga 100 kg</p> <p>(iii) Jisim: 101 kg sehingga 500 kg</p> <p>(iv) Jisim: 501 kg atau lebih</p>	<p>1000.00</p> <p>1500.00</p> <p>2500.00</p> <p>5000.00</p>

## JADUAL KEDUA

[Perenggan 17(1)(b)]

## TEMPOH SAH LAKU LESEN, PERMIT PELANCARAN DAN PERAKUAN PELANCARAN

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Tempoh sah laku</b>
1.	Lesen	(a) Mengilang mana-mana objek angkasa (Peraturan 3)	Maksimum sepuluh tahun
		(b) Memiliki atau mengendalikan mana-mana kemudahan untuk penyepaduan atau pengujian mana-mana objek angkasa (Peraturan 4)	Maksimum sepuluh tahun
		(c) Mengendalikan mana-mana kemudahan pelancar (Peraturan 5)	Maksimum lima tahun
2.	Permit pelancaran bagi kenderaan percubaan	(a) Mana-mana kenderaan pelancar (Peraturan 8)	Maksimum dua belas bulan untuk menjalankan satu atau lebih ujian penerbangan rekabentuk prototaip tertentu bagi kenderaan pada masa itu
		(b) Mana-mana kenderaan kemasukan semula (Peraturan 8)	Maksimum dua belas bulan untuk menjalankan satu atau lebih ujian jatuh bagi rekabentuk prototaip tertentu untuk kenderaan pada masa itu
3.	Permit pelancaran bagi kenderaan komersial	(a) Kenderaan orbit atau suborbit (Peraturan 8)	Maksimum tiga bulan untuk melancarkan kenderaan boleh guna semula atau sekali guna dalam tempoh tersebut
		(b) Kenderaan kemasukan semula (Peraturan 8)	Maksimum tujuh hari daripada tarikh permulaan penerbangan kemasukan semula ke tapak pendaratan di dalam Malaysia

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Tempoh sah laku</b>
4.	Perakuan pelancaran	<i>(a)</i> Pelancaran muatan (Peraturan 13)	Suatu perakuan hendaklah sah sehingga akhir hayat objek angkasa tersebut
		<i>(b)</i> Kemasukan semula muatan (Peraturan 13)	Suatu perakuan hendaklah sah selama empat puluh lapan jam dari tarikh permulaan penerbangan kemasukan semula

## JADUAL KETIGA

## BORANG I

[Peraturan 3]

## PERMOHONAN BAGI LESEN PENGILANG SUATU OBJEK ANGKASA

<b>No. Permohonan:</b> <i>(Untuk kegunaan pejabat)</i>	
<b>BAHAGIAN A: MAKLUMAT MENGENAI PEMOHON</b>	
<b>1. Maklumat mengenai individu/syarikat</b>	
<i>(a)</i> Nama:	
<i>(b)</i> No. Kad Pengenalan/No. Pasport/ No. Pendaftaran Syarikat:	<i>(c)</i> Tarikh penubuhan: hari/bulan/tahun
<i>(Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen)</i>	<i>(Untuk syarikat sahaja)</i>
<i>(d)</i> Alamat individu/Alamat pendaftaran syarikat <i>(Alamat penuh)</i> :	
<i>(e)</i> E-mel:	<i>(f)</i> No. telefon: (Pejabat) (Bimbit)
<i>(g)</i> Alamat mengilang <i>(Alamat penuh)</i> :	
<b>2. Maklumat mengenai pegawai untuk dihubungi</b>	
<i>(a)</i> Nama:	<i>(b)</i> Jawatan:

(c) Warganegara:	(d) No. Kad Pengenalan/ No.Pasport:  <i>(Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen)</i>
(e) E-mel:	(f) No. telefon: (Pejabat) (Bimbit)

**3. Maklumat mengenai hak milik syarikat**

Nama pemegang saham, proksi atau pengarah syarikat	Warganegara	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Jawatan	E-mel	No. telefon (Pejabat) (Bimbit)
(1)					
(2)					
(3)					

*(Sila tambah baris jika perlu)*

**4. Maklumat mengenai kedudukan kewangan individu/syarikat.**  
Pemohon hendaklah melampirkan penyata bank tahunan/laporan kewangan yang telah diaudit luar.

**BAHAGIAN B: MAKLUMAT MENGENAI OBJEK ANGKASA**

**1. Misi objek angkasa**

**2.** Spesifikasi objek angkasa  
Pemohon hendaklah melampirkan maklumat yang berikut:

- (a) konfigurasi
- (b) gambaran keseluruhan objek angkasa semasa fasa pelancaran dan fasa operasi
- (c) diagram sistem objek angkasa
- (d) kawalan objek angkasa
- (e) maklumat mengenai muatan/misi instrumen

**3.** Pelan mitigasi reja angkasa

Pemohon hendaklah melampirkan pelan mitigasi reja angkasa yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) mekanisme bagi mencegah pelepasan objek tanpa sengaja
- (b) mekanisme pemisahan atau cantuman, jika berkaitan
- (c) langkah balas untuk mengelak pecahan, untuk objek angkasa memasuki semula atmosfera bumi
- (d) langkah balas untuk memastikan keselamatan awam
- (e) strategi keluar orbit pasca akhir hayat

### **BAHAGIAN C: PERAKUAN**

Saya/Kami mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini termasuk maklumat yang terkandung dalam lampiran adalah benar dan betul.

Saya/Kami faham bahawa kegagalan untuk mematuhi seksyen 16 Akta 834 ialah suatu kesalahan.

( \_\_\_\_\_ )

Jawatan :

No. Kad pengenalan :

Tarikh :

Cop syarikat :

## BORANG II

[Peraturan 4]

PERMOHONAN BAGI LESEN PENGENDALI KEMUDAHAN PENYEPADUAN ATAU  
PENGUJIAN SUATU OBJEK ANGKASA

<b>No. Permohonan:</b> <i>(Untuk kegunaan pejabat)</i>	
<b>BAHAGIAN A: MAKLUMAT MENGENAI PEMOHON</b>	
<b>1. Maklumat mengenai individu/syarikat</b>	
<i>(a) Nama:</i>	
<i>(b) No. Kad Pengenalan/ No. Pasport/ No. Pendaftaran syarikat:</i>	<i>(c) Tarikh penubuhan: hari/bulan/tahun</i>
<i>(Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen)</i>	<i>(Untuk syarikat sahaja)</i>
<i>(d) Alamat individu/alamat pendaftaran syarikat (Alamat penuh):</i>	
<i>(e) E-mel:</i>	<i>(f) No. telefon: (Pejabat) (Bimbit)</i>
<b>2. Maklumat mengenai pegawai untuk dihubungi</b>	
<i>(a) Nama:</i>	<i>(b) Jawatan:</i>
<i>(c) Warganegara:</i>	<i>(d) No. Kad Pengenalan/No. Pasport:  (Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen)</i>

<i>(e)</i> E-mel:			<i>(f)</i> No. telefon: (Pejabat) (Bimbit)		
<b>3. Maklumat mengenai hak milik syarikat</b>					
Nama pemegang saham, proksi atau pengarah syarikat	Warganegara	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Jawatan	E-mel	No. telefon (Pejabat) (Bimbit)
(1)					
(2)					
(3)					
<i>(Sila tambah baris jika perlu)</i>					
<b>4.</b> Maklumat mengenai kedudukan kewangan individu/syarikat. Pemohon hendaklah melampirkan penyata bank tahunan/laporan kewangan yang telah diaudit luar.					
<b>BAHAGIAN B: MAKLUMAT MENGENAI KEMUDAHAN</b>					
<b>1.</b> Lokasi kemudahan					
<b>2.</b> Tujuan kemudahan					
<b>3.</b> Cadangan tarikh permulaan operasi kemudahan hari/bulan/tahun					

4. Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen berkaitan yang mengandungi maklumat yang berikut:
- (a) perakuan siap dan pematuhan kemudahan daripada pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa yang berkaitan
  - (b) pelan tapak bagi lokasi kemudahan

**BAHAGIAN C: PELAN PENGURUSAN KEMUDAHAN**

Pemohon hendaklah melampirkan pelan pengurusan kemudahan yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) strategi pemohon bagi mengendalikan kemudahan, termasuk hasrat kegunaan kemudahan
- (b) amalan dan tatacara untuk mengawal pengendalian kemudahan, termasuk mana-mana kaedah perlindungan keselamatan yang akan ditempatkan
- (c) aturan untuk melaporkan pengendalian kemudahan kepada pihak berkuasa yang berkaitan
- (d) suatu keterangan atau salinan pelan jaminan kualiti yang merangkumi pengendalian kemudahan
- (e) sistem dan dokumentasi yang akan digunakan untuk menyediakan dan menyimpan rekod yang berhubungan dengan pengendalian kemudahan
- (f) aturan untuk menyenggara kemudahan, termasuk sistem untuk merekodkan penyenggaraan berjadual dan tidak berjadual
- (g) tatacara untuk melaporkan kegagalan, pincang tugas atau kecacatan

**BAHAGIAN D: PERAKUAN**

Saya/Kami mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini termasuk maklumat yang terkandung dalam lampiran adalah benar dan betul.

Saya/Kami faham bahawa kegagalan untuk mematuhi seksyen 16 Akta 834 ialah suatu kesalahan.

\_\_\_\_\_  
( )

Jawatan :

No. Kad pengenalan :

Tarikh :

Cop syarikat :

## BORANG III

[Peraturan 5]

## PERMOHONAN BAGI LESEN PENGENDALI KEMUDAHAN PELANCAR

<b>No. Permohonan:</b> <i>(untuk kegunaan pejabat)</i>	
<b>BAHAGIAN A: MAKLUMAT MENGENAI PEMOHON</b>	
<b>1. Maklumat mengenai individu/syarikat</b>	
<i>(a) Nama:</i>	
<i>(b) No. Kad Pengenalan/No. Pasport/ No. Pendaftaran Syarikat:</i>	<i>(c) Tarikh penubuhan: hari/bulan/tahun</i>
<i>(Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen)</i>	<i>(Untuk syarikat sahaja)</i>
<i>(d) Alamat individu/alamat pendaftaran syarikat (Alamat penuh):</i>	
<i>(e) E-mel:</i>	<i>(f) No. telefon: (Pejabat) (Bimbit)</i>
<b>2. Maklumat mengenai pegawai untuk dihubungi</b>	
<i>(a) Nama:</i>	<i>(b) Jawatan:</i>
<i>(c) Warganegara:</i>	<i>(d) No. Kad pengenalan/No.Pasport:</i>  <i>(Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen)</i>

(e) E-mel:			(f) No. Telefon: (Pejabat) (Bimbit)		
<b>3. Maklumat mengenai hak milik syarikat</b>					
Nama pemegang saham, proksi atau pengarah syarikat	Warganegara	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Jawatan	E-mel	Nombor telefon: (Pejabat) (Bimbit)
(1)					
(2)					
(3)					
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>					
<b>4. Maklumat mengenai kedudukan kewangan individu/syarikat.</b> Pemohon hendaklah melampirkan penyata bank tahunan/laporan kewangan yang telah diaudit luar.					
<b>BAHAGIAN B: MAKLUMAT MENGENAI KEMUDAHAN PELANCAR</b>					
<b>1. Alamat kemudahan pelancar</b>					
<b>2. Tujuan kemudahan pelancar</b>					
<b>3. Cadangan tarikh permulaan operasi kemudahan pelancar hari/bulan/tahun</b>					

4. Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen berkaitan yang telah disahkan mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) perakuan siap dan pematuhan kemudahan daripada pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa yang berkaitan
- (b) pelan tapak bagi lokasi kemudahan dicadangkan beroperasi

#### **BAHAGIAN C: PELAN PENGURUSAN KEMUDAHAN**

Pemohon hendaklah melampirkan pelan pengurusan kemudahan yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) strategi pemohon dalam mengendalikan kemudahan, termasuk hasrat kegunaan kemudahan pelancar
- (b) amalan dan tatacara untuk mengawal pengendalian kemudahan, termasuk mana-mana kaedah perlindungan keselamatan yang akan ditempatkan
- (c) aturan untuk melaporkan pengendalian kemudahan kepada pihak berkuasa yang berkaitan
- (d) suatu keterangan atau salinan pelan jaminan kualiti yang merangkumi pengendalian kemudahan
- (e) sistem dan dokumentasi yang akan digunakan untuk menyediakan dan menyimpan rekod berhubung pengendalian kemudahan
- (f) aturan untuk menyenggara kemudahan, termasuk sistem untuk merekodkan penyenggaraan berjadual dan tidak berjadual
- (g) tatacara untuk melaporkan kegagalan, kepingangan tugas atau kecacatan

#### **BAHAGIAN D: STRUKTUR ORGANISASI DAN PERSONEL**

Pemohon hendaklah melampirkan yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) Struktur organisasi syarikat
- (b) CV individu yang disenaraikan yang mengandungi maklumat yang berikut:
  - (i) maklumat peribadi
  - (ii) kelayakan
  - (iii) pengalaman
  - (iv) tugas dan tanggungjawab

Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon perlu sertakan salinan)</i>	Warganegara
Ketua Pegawai Eksekutif atau setara			
Individu yang bertanggungjawab ke atas pengurusan pemohon secara keseluruhan (seperti pengarah atau ahli lembaga atau jawatankuasa pentadbir)			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon perlu sertakan salinan)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
Individu dalam kedudukan yang mempunyai kuasa untuk mengarahkan operasi kemudahan pelancar atau sebahagian daripada kemudahan			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon perlu sertakan salinan)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			

Individu dalam kedudukan yang mempunyai peranan dalam mengendali atau menyenggara sistem bumi bagi kemudahan pelancar			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon perlu sertakan salinan)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
Individu dalam kedudukan yang mempunyai peranan untuk menjalankan pelancaran di kemudahan pelancar, termasuk penyepaduan muatan			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon perlu sertakan salinan)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			

Individu yang mempunyai kuasa atau bertanggungjawab ke atas penyediaan pelan keselamatan teknologi yang dimasukkan dalam permohonan			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon perlu sertakan salinan)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
Individu dalam kedudukan yang mempunyai peranan untuk melaksana atau memantau pelan keselamatan teknologi			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon perlu sertakan salinan)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
<b>BAHAGIAN E: PELAN SPESIFIKASI REKABENTUK DAN KEJURUTERAAN</b>			
<p><b>1.</b> Pemohon hendaklah melampirkan pelan spesifikasi reka bentuk dan kejuruteraan bagi setiap bahagian di kemudahan pelancar yang mengandungi maklumat yang berikut:</p> <p>(a) pelan rekabentuk dan kejuruteraan</p> <p>(b) spesifikasi bagi reka bentuk dan kejuruteraan</p>			

2. Pemohon hendaklah melampirkan salinan instrument instrumen pengiktirafan teknikal yang diiktiraf untuk menggantikan maklumat yang diperlukan di bawah perenggan 1 Bahagian E borang ini.

#### **BAHAGIAN F: PELAN TINDAK BALAS KECEMASAN**

Pemohon hendaklah melampirkan pelan kecemasan sebagai tindak balas kepada kemalangan atau insiden dalam lingkungan kemudahan pelancar yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) suatu keterangan mengenai tindakan yang akan diambil
- (b) suatu senarai pihak berkuasa atau mereka yang perlu dimaklumkan
- (c) tatacara koordinasi dalaman untuk keselamatan dan pemindahan
- (d) pengaturan untuk latihan tahunan untuk menguji pelan tindak balas kecemasan
- (e) pengaturan untuk semakan sendiri pelan tindak balas kecemasan
- (f) peralatan dan kemudahan yang diperlukan untuk bertindak balas kepada suatu kemalangan, insiden atau kecemasan lain

#### **BAHAGIAN G: PELAN PENILAIAN ALAM SEKITAR**

Pemohon hendaklah melampirkan pelan penilaian alam sekitar yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) tatacara bagi memastikan kemudahan dikendalikan mengikut kehendak di bawah undang-undang yang melindungi alam sekitar
- (b) suatu penilaian mengenai impak pengendalian kemudahan pelancar ke atas alam sekitar
- (c) aturan bagi pemantauan dan mitigasi mana-mana kesan buruk daripada pengendalian kemudahan pelancar ke atas alam sekitar
- (d) mekanisme bagi melaporkan pelaksanaan tatacara dan aturan tersebut serta untuk semakan semula pelan

#### **BAHAGIAN H: PELAN KESELAMATAN TEKNOLOGI**

Pemohon hendaklah melampirkan pelan keselamatan teknologi yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) tatacara untuk menghalang orang yang tidak diberi kuasa daripada mendapat akses terhadap teknologi dan strategi keselamatan siber yang digunakan dalam pengendalian kemudahan pelancar

- (b) maklumat mengenai perjanjian antara pemohon dan pihak lain untuk melindungi semua atau sebahagian daripada teknologi
- (c) penilaian bebas mengenai strategi keselamatan siber oleh orang yang kompeten dengan kelayakan dan pengalaman yang sesuai  
(Pemohon perlu sertakan salinan CV dan sijil berkaitan)

#### **BAHAGIAN I: PERAKUAN**

Saya/Kami mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini termasuk maklumat yang terkandung dalam lampiran adalah benar dan betul.

Saya/Kami faham bahawa kegagalan untuk mematuhi seksyen 16 Akta 834 ialah suatu kesalahan.

\_\_\_\_\_  
( )

Jawatan :

No. Kad pengenalan :

Tarikh :

Cop syarikat :

## BORANG IV

[Peraturan 8]

## PERMOHONAN PERMIT PELANCARAN

<b>No. Permohonan:</b> <i>(untuk kegunaan pejabat)</i>	
<b>BAHAGIAN A: MAKLUMAT MENGENAI PEMOHON</b>	
<b>1. Maklumat mengenai individu/syarikat</b>	
<i>(a) Nama:</i>	
<i>(b) No. Kad Pengenalan/No. Pasport/ No. Pendaftaran Syarikat:</i>	<i>(c) Tarikh penubuhan: hari/bulan/tahun</i>
<i>(Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen)</i>	<i>(Untuk syarikat sahaja)</i>
<i>(d) Alamat individu/alamat pendaftaran syarikat (Alamat penuh):</i>	
<i>(e) E-mel:</i>	<i>(f) No. Telefon: (Pejabat) (Bimbit)</i>
<b>2. Maklumat mengenai individu untuk dihubungi</b>	
<i>(a) Nama:</i>	<i>(b) Jawatan:</i>
<i>(c) Warganegara:</i>	<i>(d) No. Kad Pengenalan/No. Pasport:  (Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen)</i>

<i>(e)</i> E-mel:			<i>(f)</i> Nombor telefon: (Pejabat) (Bimbit)		
<b>3. Maklumat mengenai pemilikan syarikat</b>					
Nama pemegang taruh, proksi atau pengarah syarikat	Warganegara	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Jawatan	E-mel	Nombor Telefon (Pejabat) (Bimbit)
(1)					
(2)					
(3)					
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>					
<b>4. Maklumat mengenai kedudukan kewangan pemohon/syarikat</b> <i>Pemohon hendaklah melampirkan penyata bank tahunan/laporan kewangan yang telah diaudit luar.</i>					
<b>BAHAGIAN B: MAKLUMAT MENGENAI STRUKTUR ORGANISASI DAN PERSONEL</b>					
Pemohon hendaklah melampirkan yang mengandungi maklumat yang berikut:					
<i>(a)</i> struktur organisasi syarikat					
<i>(b)</i> CV bagi individu yang disenaraikan yang mengandungi maklumat yang berikut:					
<i>(i)</i> Maklumat peribadi					
<i>(ii)</i> Kelayakan					
<i>(iii)</i> Pengalaman					
<i>(iv)</i> Tugas dan tanggungjawab					

Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon lampirkan Salinan dokumen)</i>	Warganegara
Ketua pegawai eksekutif atau setara			
Pengarah pengendalian pelancaran			
Pengarah pengendalian kenderaan pelancar			
Individu dalam tugas atau fungsi yang berhubung secara langsung dengan pengendalian kenderaan pelancar			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon sertakan salinan dokumen)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			

Individu yang mempunyai kuasa atau bertanggungjawab ke atas pengilangan atau penyenggaraan kenderaan pelancar			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon sertakan salinan dokumen)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
Individu yang mempunyai kuasa atau bertanggungjawab untuk menjejak atau berhubung dengan kenderaan pelancar			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon sertakan salinan dokumen)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			

Individu yang mempunyai kuasa bagi pengendalian kemudahan pelancar atau sebahagian daripada kemudahan pelancar			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon sertakan salinan dokumen)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
Individu yang mempunyai kuasa atas pengendalian atau penyenggaraan sistem bumi bagi kemudahan pelancar			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon lampirkan Salinan dokumen)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
Individu yang mempunyai kuasa atau bertanggungjawab ke atas penyepaduan suatu muatan dengan kenderaan pelancar			

Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon lampirkan Salinan dokumen)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
Individu dalam kedudukan yang mempunyai atau akan mempunyai kuasa atau bertanggungjawab ke atas pemasangan perisian pada kenderaan pelancar atau penentusahan perisian berfungsi dengan betul			
Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon lampirkan Salinan dokumen)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
Individu yang mempunyai atau bertanggungjawab untuk menentusahkan bahawa sistem struktur, sistem pendorongan, sistem bahan api, sistem elektrik dan elektronik pada kenderaan pelancar			

Jawatan	Nama	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon lampirkan Salinan dokumen)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
Individu yang mempunyai kuasa atau bertanggungjawab dalam penyediaan pelan keselamatan teknologi			
Nama	Jawatan	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon lampirkan Salinan dokumen)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			
(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
Individu yang mempunyai peranan untuk melaksana atau memantau pelan keselamatan teknologi tersebut			
Nama	Jawatan	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport <i>(Pemohon lampirkan Salinan dokumen)</i>	Warganegara
(1)			
(2)			

(3)			
<i>Sila tambah baris (jika perlu)</i>			
<b>BAHAGIAN C: MAKLUMAT MENGENAI PELANCARAN</b>			
<b>1.</b> Pemohon hendaklah melampirkan yang mengandungi maklumat berikut:			
Tujuan pelancaran	Jendela pelancaran <i>(tarikh, masa dan tempoh)</i>	Jendela kemasukan semula <i>(tarikh, masa dan tempoh)</i>	
<i>Sila tambah baris jika perlu</i>			
Bagi maksud perenggan ini, jika tempoh pelancaran berpanjangan melebihi satu hari, permohonan hendaklah menyatakan jangkaan hari pelancaran seperti yang berikut:			
Tujuan pelancaran	Jendela pelancaran <i>(tarikh, masa dan tempoh)</i>	Jendela kemasukan semula <i>(tarikh, masa dan tempoh)</i>	
<i>Sila tambah baris jika perlu</i>			
<b>2.</b> Lokasi kemudahan pelancar			
Nama kemudahan pelancar	Latitud	Longitud	Ketinggian
<b>BAHAGIAN D: MAKLUMAT MENGENAI LALUAN PENERBANGAN</b>			
<b>1.</b> Maklumat mengenai laluan penerbangan bagi setiap pelancaran			
<i>(a) Keterangan mengenai laluan penerbangan Pemohon hendaklah menyertakan diagram/video simulasi/grafik dsb.</i>			

<p>(b) Aset kritikal  <i>Pemohon hendaklah menyenaraikan mana-mana aset kritikal termasuk harta benda, kemudahan, atau infrastruktur penting bagi tujuan keselamatan negara, ruang udara awam berkeutamaan tinggi, atau jaminan akses ke angkasa bagi misi-misi utama negara yang berada secara langsung di bawah laluan penerbangan atau dalam kawasan dengan kebarangkalian munasabah yang mana reja boleh jatuh</i></p>	
Nama aset kritikal	Lokasi aset kritikal
(1)	
(2)	
(3)	
<p><i>Sila tambah baris jika perlu</i></p>	
<p>(c) Laporan bertulis mengenai kesesuaian laluan penerbangan tersebut  <i>Pemohon hendaklah menjelaskan lokasi aset kritikal yang terjejas seperti yang dinyatakan sebelum ini</i></p>	
<p><b>2.</b> Maklumat laluan penerbangan bagi setiap pelancaran yang mempunyai hubungan dengan kemasukan semula</p> <p>(a) Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen yang mengandungi maklumat yang berikut:</p> <p>(i) keterangan mengenai laluan kenderaan</p> <p>(ii) jejak bumi untuk kemasukan semula</p> <p>(iii) peringkat kejadian untuk kemasukan semula</p> <p>(iv) ramalan ralat dalam ketepatan kemasukan semula dan pendaratan kenderaan kemasukan semula</p> <p>(b) Mana-mana aset kritikal yang berada secara langsung di bawah laluan penerbangan atau dalam kawasan dengan kebarangkalian munasabah yang mana reja boleh jatuh</p> <p><i>Pemohon hendaklah menyenaraikan aset kritikal yang mengandungi maklumat berikut</i></p>	

Nama aset kritikal	Lokasi aset kritikal
(1)	
(2)	
(3)	

*Sila tambah baris jika perlu*

- 3.** Laporan bertulis mengenai kesesuaian laluan penerbangan tersebut  
*Pemohon hendaklah menjelaskan lokasi aset kritikal yang terjejas seperti yang dinyatakan sebelum ini*

#### **BAHAGIAN E: MAKLUMAT MENGENAI KENDERAAN PELANCAR**

- 1.** Jenis kenderaan pelancar

Sila tanda  $\checkmark$  dalam kotak yang berkaitan

*(a)* Penerbangan komersial

Penerbangan orbit bagi—

- |       |  |                          |
|-------|--|--------------------------|
| (i)   | Kenderaan pelancar muatan ringan       | <input type="checkbox"/> |
| (ii)  | Kenderaan pelancar muatan medium       | <input type="checkbox"/> |
| (iii) | Kenderaan pelancar muatan berat        | <input type="checkbox"/> |
| (iv)  | Kenderaan pelancar muatan sangat berat | <input type="checkbox"/> |

Penerbangan suborbit bagi—

- |      |                          |                          |
|------|--------------------------|--------------------------|
| (i)  | Kenderaan dengan manusia | <input type="checkbox"/> |
| (ii) | Kenderaan tanpa manusia  | <input type="checkbox"/> |

Kemasukan semula kenderaan dengan manusia

*(b)* Kenderaan eksperimental

<p><b>2.</b> Nama dan alamat pengilang kenderaan pelancar:</p>		
<p><b>3.</b> Pemohon hendaklah melampirkan yang mengandungi maklumat yang berikut:</p> <p>(a) salinan sistem jaminan kualiti pengilang, atau suatu keterangan mengenai sistem tersebut jika salinan jaminan tidak diberikan kepada pemohon</p> <p>(b) maklumat yang menunjukkan sama ada pengilang mempunyai sijil jaminan kualiti mengikut piawaian yang diiktiraf</p> <p>(c) maklumat yang menunjukkan sama ada kenderaan pelancar telah dikilang mengikut spesifikasi oleh pereka bentuk dan telah diuji dan diperiksa mengikut spesifikasi pereka bentuk</p> <p>(d) maklumat yang menunjukkan sama ada kenderaan pelancar telah dikilang, diuji dan diperiksa mengikut piawaian yang diiktiraf di negara pengilang</p> <p>(e) maklumat yang menunjukkan sama ada kenderaan pelancar telah menerima kelulusan import yang bersesuaian</p>		
<p><b>4.</b> Salinan instrumen pengiktirafan teknikal yang diiktiraf bagi menggantikan maklumat yang diperlukan di bawah perenggan 1, 2 dan 3 Bahagian E borang ini</p> <p><i>Pemohon hendaklah lampirkan salinan dokumen yang mengandungi maklumat di atas</i></p>		
<p><b>5.</b> Pemohon hendaklah melampirkan sistem yang mengandungi maklumat yang berikut:</p> <p>(a) spesifikasi teknikal dan suatu keterangan mengenai program pembangunan, kelayakan dan penerimaan bagi perkakasan dan perisian sistem-sistem kenderaan pelancar;</p> <p>(b) maklumat mengenai mana-mana pengujian kefungsiian, pemodelan dan analisis yang telah dijalankan ke atas sistem-sistem tersebut; dan</p> <p>(c) suatu keterangan mengenai keputusan program kelayakan, penentusahan dan penerimaan penentusahan.</p>		
<b>Perkara</b>	<b>Nama Pengilang</b>	<b>Alamat</b>
(a) sistem struktur		

(b) sistem pendorongan		
(c) sistem bahan api		
(d) sistem elektrik		
